

31/07/1997

Kedutaan tolak surat bantahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Kedutaan Amerika Syarikat di sini tidak menerima surat bantahan Pergerakan Pemuda MCA mengenai pembabitan tokoh kewangan Amerika Syarikat, George Soros, dalam serangan spekulatif mata wang di rantau ini.

Penasihat Hal Ehwal Politik Kedutaan, Jeffrey J Lunstead, yang ditemui Naib Pengerusi Pergerakan Pemuda MCA, Hoo Seong Chang, dan Pengerusi Biro Hal Ehwal Antarabangsanya, Lee Hwa Beng, enggan menerima surat itu dengan alasan Soros tidak ada kaitan dengan pentadbiran negaranya.

Hoo dan Lee ditemani lapan ahli jawatankuasa pergerakan itu pergi pejabat kedutaan pagi tadi untuk menyampaikan surat bantahan itu. Hanya mereka berdua dibenarkan masuk untuk menemui pegawai kedutaan.

Lee yang menemui Lunstead selama 10 minit berkata kepada pemberita bahawa beliau kecewa dengan sikap Lunstead yang disifatkan sebagai tidak demokratik dan diplomatik kerana enggan menerima surat itu selepas membacanya.

"Surat itu ditujukan kepada duta Amerika Syarikat di sini dan Lunstead sepatutnya menerimanya, tetapi beliau menegaskan bahawa kerajaannya tidak ada kena mengena dengan Soros.

"Saya tidak faham mengapa Lunstead berkata demikian kerana beliau mengakui bahawa Soros adalah warga Amerika," katanya.

Hoo pula berkata, pihaknya tidak berputus asa dan akan menghantar surat bantahan itu kepada Duta Amerika Syarikat, John R Malott, melalui pos.

Antara kandungan surat bantahan itu ialah sokongan pergerakan itu terhadap tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mendedahkan perbuatan Soros dan penolakan kenyataan akhbar Soros Fund Management yang menafikan pendedahan itu.

Ia juga menggesa kerajaan Amerika mengambil tindakan menghukum serta langkah perlu bagi menghentikan aktiviti berbahaya yang dilakukan rakyatnya yang boleh memberi kesan buruk terhadap hubungan negara Asean dan negara itu.

Ia juga menggesa kerajaan negara itu mengambil tindakan undang-undang terhadap Soros demi menjaga hubungan di antara Malaysia dan Amerika Syarikat serta mematuhi prinsip demokrasi seperti yang sering dilaungkan negara itu.

Sementara itu, jurucakap pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Mohd Anuar Tahir, berkata tindakan Soros yang menyebabkan kejatuhan mata wang negara Asean membuktikan keangkuhan kapitalis yang bertindak demi kepentingan peribadi.

(END)